SOLAT TERAWIH

MENURUT AS-SUNNAH DAN IKHTILAF ULAMAK

USTAZ AHMAD ADNAN BIN FADZIL

بسم الله الرحمن الرحيم، والحمد لله رب العالمين، وصلى الله وبارك على محمد وعلى آله وأصحابه وسلم تسليما كثيرا، اللهم أرنا الحق حقا وارزقنا اتباعه وأرنا الباطل باطلا وارزقنا اجتنابه ولا تجعله ملتبسا علينا فنضل،

وبعد:

KEPADA PARA PEMBACA;

Solat Terawih

Solat Terawih adalah solat malam yang disyariatkan pada setiap malam di bulan Ramadhan. Dinamakan solat Terawih (yang berasal dari kalimah *ar-raahah* dalam bahasa Arab yang bermasuk rehat) kerana pada permulaan umat umat Islam melakukannya secara berjamaah mereka berehat setiap selepas dua salam (yakni selepas empat rakaat).[1]

Hadis-hadis tentang solat terawih

1. Dari Abu Hurairah –radhiyallahu 'anhu- menceritakan; Rasulullah –sallallahu 'alaihi wasallam- bersabda;

مَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيْمَانَاً وَاحْتِسَاباً غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

"Sesiapa mengerjakan qiyam Ramadhan dalam keadaan beriman kepada Allah dan ikhlas kepadaNya, akan diampunkan dosanya yang lalu". (Riwayat Imam al-Bukhari, Muslim, Abu Daud, at-Tirmizi, an-Nasai dan Ibnu Majah. Lihat takhrij Imam as-Suyuti dalam al-Jami' as-Saghier, hadis no. 8901).

Menurut Imam an-Nawawi dalam kitabnya Syarah Soheh Muslim; maksud Qiyam Ramadhan dalam hadis di atas ialah solat Terawih. Menurut beliau juga; telah sepakat Para ulamak atas sunatnya.[2] Menurut as-Syaukani; maksud qiyam Ramadhan ialah menghidupkan malam-malam Ramadhan dengan solat. Ia terhasil secara umum dengan yang apa dapat dinamakan qiyam (bangun beribadah)[3] dan tidaklah disyaratkan sepanjang malam. Ada pandangan berkata; disyaratkan sebahagian besar malam.[4] Menurut Imam al-Munawi; Memadai untuk dikatakan menghidupkan malam itu dengan beribadah di sebahagian besar malam. Ada pandangan berkata; sekurang-kurangnya dengan mengerjakan solat isyak berjamaah dan solat subuh berjamaah.[5]

Maksud "*Imaanan*" (dengan beriman kepada Allah) dalam hadis di atas ialah yakin dan percaya kepada janji Allah yang berjanji untuk mengurniakan pahalaNya kepada orang

---

[1] Syarah az-Zarqani (1/289). (Menurut Imam al-Laith; kadar rehat itu ialah kadar masa seorang lelaki mengerjakan beberapa rakaat solat).

[2] Syarah Soheh Muslim (6/ 46).

[3] Imam as-Syaukani menaqalkan ungkapan Imam an-Nawawi; "Qiyam Ramadhan terhasil dengan melakukan solat terawih, yakni dengan mengerjakan solat terawih terhasillah apa yang dituntut dari makna qiyam (bangun pada malam) Ramadhan, namun ia tidaklah bermakna bahawa qiyam Ramadhan tidak terhasil melainkan dengan solat terawih itu sahaja". (Nailul-Autar, 3/50). Menurut Imam al-Minawi; "Qiyam Ramadhan bermaksud bangun melakukan ketataan pada malam Ramadhan sama ada dengan melakukan solat terawih atau menghidupkannya dengan ibadah-ibadah seperti membaca al-Quran, solat-solat sunat, zikir, menuntut ilmu Syarak dan sebagainya lagi dari amalan-amalan akhirat" (Faidhul-Qadier, hadis no. 8901).

[4] Nailul-Autar (3/49-50)

[5] Faidhul-Qadier, hadis no. 8901.
(Imam al-Munawi juga menjelaskan; (*Dimakruhkan menghidupkan sepanjang malam tanpa tidur, yakni jika melakukannya berpanjangan. Adapun sekali sekala iaitu pada satu malam atau beberapa malam tidaklah makruh berdalilkan pensunatan menghidupkan dua malam hari raya dan beberapa malam lain selain keduanya. Lihat; Faidhul-Qadier, hadis no. 8901).

yang melakukan qiyam Ramadhan atau solat Terawih tersebut. Maksud "*Ihtisaban*" pula ialah mengharapkan keredhaan Allah semata-mata, bukan kerana hendak dilihat oleh manusia atau tujuan-tujuan lain yang bertentangan dengan sifat ikhlas.[6]

Dosa yang akan terhapus ialah dosa dengan Allah dan dari kategori *as-Soghair* (yakni dosa-dosa kecil).[7] Adapun dosa-dosa dengan manusia, tidak terhapus melainkan dengan memohon maaf atau minta halal dari orang yang kita melakukan dosa terhadapnya. Begitu juga, dosa-dosa besar (*al-Kabair*) tidak terhapus melainkan dengan taubat nasuha.[8]

2. Dari Abu Hurairah –radhiyallahu 'anhu- juga menceritakan; Adalah Rasulullah –sallallahu 'alahi wasallam- menggalakkan para sahabatnya supaya mengerjakan qiyam Ramadhan (yakni solat Terawih) tanpa menyuruh mereka dengan *'azimah* (suruhan berat), di mana baginda bersabda; "Sesiapa mengerjakan qiyam Ramadhan dalam keadaan beriman kepada Allah dan ikhlas kepadaNya, akan diampunkan dosanya yang lalu". Tatkala Rasulullah wafat, urusan qiyam Ramadhan berjalan sebagaimana tersebut, begitu juga semasa kekhalifahan Abu Bakar dan di awal kekhilafahan Umar. (Riwayat Imam Muslim).

Maksud "tanpa menyuruh mereka dengan suruhan 'azimah (suruhan berat)" ialah Rasulullah tidak menyuruh mereka dengan suruhan wajib dan suruhan mesti, akan tetapi hanya suruhan sunat dan memberi galakan. Pada zaman baginda, qiyam Ramadhan atau solat Terawih itu dilakukan oleh umat Islam secara sendirian sama ada di rumah atau di masjid.[9] Keadaan itu berterusan hingga baginda wafat, kemudian pada zaman Abu Bakar dan awal zaman Umar. Itu yang dimaksudkan oleh Abu Hurairah dengan katanya "Tatkala Rasulullah wafat, urusan qiyam Ramadhan berjalan sebagaimana tersebut, begitu juga semasa kekhalifahan Abu Bakar dan di awal kekhilafahan Umar". Di pertengahan zaman Umar keadaan berubah di mana Umar telah menghimpunkan orang ramai untuk mengerjakan solat Terawih secara berjamaah dengan diimamkan oleh Ubay bin Ka'ab –radhiyallahu 'anhu-.[10] Berterusanlah selepas itu solat terawih dilakukan secara berjamaah.[11]

---

[6] Syarah Soheh Muslim (6/46), Faidhul-Qadier (syarah hadis no. 8901).
[7] Faidhul-Qadier (hadis no. 8901).
[8] Pandangan di atas ialah dari jumhur ulamak. Ada segelintir ulamak menyanggahi pandangan jumhur tersebut di mana mereka berpandangan; dosa yang dimaksudkan dalam hadis di atas tidak hanya khusus kepada dosa-dosa kecil, tetapi juga merangkumi dosa-dosa besar. Mereka ialah Imam Ibnu Hajar (dalam kitabnya az-Zakhair), Imam Ibnu al-Munzir (dalam kitabnya al-Asyraf) dan Abu Muhammad al-Ashili. Imam Ibnu 'Abdil-Barr mengulas; pandangan tersebut merupakan satu kejahilan yang nyata. Ia menepati pandangan al-Murji-ah. Jika benar apa yang mereka dakwa nescaya tidak ada makna perintah Syarak supaya bertaubat sedangkan para ulamak telah ijmak bahawa bertaubat adalah fardhu/wajib dan setiap kewajipan tidak sah melainkan dengan dimaksudkan (yakni melakukannya dengan maksud, bukan secara kebetulan yang terhasil dari kerana amalan lain). Begitu juga, (pandangan tersebut ternyata salah) kerana Nabi –sallallahu 'alaihi wasallam- bersabda; "Solat-solat lima waktu, dari jumaat ke jumaat dan ramadhan ke ramadhan, (ibadah-ibadah tersebut) menghapuskan dosa-dosa yang dilakukan di antaranya selama dijauhi dosa-dosa besar". (Lihat; Faidhul-Qadier, hadis no. 8901).
[9] Syarah az-Zarqani (1/288).
[10] Lihat hadis di depan nanti.
[11] Syarah Soheh Muslim (6/47).

Apa yang dilakukan Umar bukanlah suatu bid'ah kerana solat Terawih secara berjamaah pernah dilakukan oleh Rasulullah –sallallahu 'alaihi wasallam- pada zamannya selama beberapa hari, namun kemudian baginda meninggalkannya kerana bimbang solat itu akan diwajib ke atas para sahabatnya dan memberatkan mereka. Maka apa yang dilakukan Umar ialah mengembalikan apa yang pernah dilakukan Nabi apabila kebimbangan itu tidak timbul lagi kerana pensyariatan telah tamat dengan wafatnya Nabi. Lebih jelas tentang perkara ini dapat kita fahami dari hadis berikutnya;

3. Dari 'Aisyah –radhiyallahu 'anhu- yang menceritakan; Rasulullah –sallallahu 'alaihi wasallam- mengerjakan solat di masjid pada satu malam (di bulan Ramadhan) pada ketika pertengahan malam. Orang yang hadir turut sama mengerjakan solat mengikuti baginda. Di waktu pagi orang ramai bercakap-cakap tentang perkara tersebut, menyebabkan malam kedua orang semakin ramai. Pada malam kedua, baginda keluar lagi mengerjakan solat di masjid dan orang semakin banyak mengikuti baginda. Di waktu pagi orang ramai semakin heboh memperkatakannya, menyebabkan pengunjung masjid bertambah ramai pada malam ketiga (berbanding sebelumnya). Baginda keluar lagi pada malam ketiga dan orang ramai turut mengerjakan solat bersama baginda. Pada malam keempat, semakin ramai orang yang hadir hingga masjid tidak lagi dapat menampung mereka. Namun pada malam itu Nabi tidak keluar. Walaupun setelah dipanggil, Nabi tetap tidak keluar. Hinggalah apabila tiba subuh barulah baginda keluar. Selesai mengerjakan solat subuh, Nabi mengadap orang ramai. Setelah mengucapkan tasyahhud baginda berucap;

أَمَّا بَعْدُ فَإِنَّهُ لَمْ يَخْفَ عَلَيَّ شَأْنُكُمْ اللَّيْلَةَ وَلَكِنِّي خَشِيتُ أَنْ تُفْرَضَ عَلَيْكُمْ صَلَاةُ اللَّيْلِ فَتَعْجِزُوا عَنْهَا

"Amma ba'du. Sesungguhnya aku mengetahui keadaan kamu semalam. Namun sengaja aku tidak keluar dan tidak ada yang menegahku untuk keluar kepada kamu melainkan kerana aku bimbang nantinya solat malam itu akan difardhukan ke atas kamu dan kamu tidak mampu melakukannya" (Riwayat Imam Muslim).

Hadis ini menunjukkan bahawa solat terawih pernah dilakukan secara berjamaah oleh Nabi. Hadis ini dijadikan dalil oleh jumhur ulamak yang berpandangan; solat Terawih paling baik (afdhal) ditunaikan secara berjamaah. Selain terawih, solat-solat sunat lain yang disyariatkan berjamaah ialah; solat 'id (hari raya), kusuf (gerhana) dan istisqa' (minta hujan).[12]

4. Abdurrahman bin 'Abdul-Qari[13] menceritakan; Pada suatu malam di bulan Ramadhan, aku keluar bersama Umar ke masjid. Kami melihat kumpulan-kumpulan yang bertebaran (di dalam masjid). Ada yang mengerjakan solat bersendirian. Ada yang mengerjakan solat dengan diikuti beberapa orang di belakangnya. Lalu Umar berkata; aku berpandangan jika aku menghimpunkan mereka di belakang seorang imam nescaya

[12] Syarah Soheh Muslim (6/47).
[13] Salah seorang pegawai Umar yang ditugaskan menjaga Baitul-Mal (Syarah al-Karmani, Juzuk 9, kitab as-Saum, halaman 153)

itu lebih baik. Kemudian Umar menghimpunkan mereka di belakang Ubayy bin Ka'ab. Pada hari lain aku keluar lagi bersama Umar. Pada kali ini kami melihat orang ramai mengerjakan solat di belakang imam mereka. Maka Umar berkata; "Inilah sebaik-baik bid'ah. Orang-orang yang tidur kemudian bangun melakukannya di akhir malam lebih baik dari orang melakukannya sekarang (yakni di awal malam)". Orang ramai pada ketika itu mengerjakan solat pada awal malam. (Riwayat Imam al-Bukhari)

Umar memilih Ubayy bin Ka'ab untuk menjadi imam kerana bacaannya paling baik. Umar pernah berkata; "Orang paling baik bacaannya di kalangan kita ialah Ubayy". Namun bukan hanya Ubayy seorang sahaja yang dipilih oleh Umar menjadi Imam. Mengikut riwayat Sa'id bin Mansur; 'Urwah menceritakan; jamaah lelaki dihimpunkan Umar di belakang Ubayy bin Kaab. Jamaah wanita pula di belakang Tamim ad-Dari. Dalam satu riwayat disebutkan bahawa yang mengimamkan jamaah wanita ialah Sulaiman bin Abi Hathmah. Imam Ibnu Hajar mengulas; barangkali ianya pada dua waktu yang berlainan (yakni pada satu waktu Tamim mengimankan mereka dan satu waktu lain Sulaiman yang menjadi imam).[14]

Ucapan Umar "Inilah sebaik-baik bid'ah"; bid'ah di sini bukanlah bid'ah yang tercela yang dimaksudkan oleh Nabi dalam hadisnya; "Setiap bid'ah adalah sesat". Bid'ah (perkara baru) yang tercela ialah yang bercanggah dengan sunnah Nabi.[15] Apa yang dilakukan Umar bukanlah perkara yang bercanggah dengan sunnah Nabi, sebaliknya menepati sunnah Nabi kerana solat Terawih atau qiyam Ramadhan merupakan ibadah yang digalakkan oleh Nabi dalam bulan Ramadhan dan Nabi sendiri pernah melakukannya secara berjamaah. Cuma oleh kerana kaum muslimin ketika itu telah terbiasa melakukannya bersendirian sejak zaman Nabi (kecuali beberapa malam mereka melakukannya secara berjamaah dengan Nabi) dan berterusan begitu pada zaman Abu Bakar dan awal-awal zaman Umar, maka apabila Umar menghimpunkan mereka dalam satu jamaah, perbuatan Umar itu kelihatan pada zahirnya satu perkara baru, namun pada Syarak ia bukanlah perkara baru kerana Nabi pernah melakukannya. Jika hendak dipanggil perkara baru (bid'ah) sekalipun, ia bukanlah bid'ah yang mazmumah, tetapi bid'ah mahmudah. Berkata Imam Ibnu Hajar; Perkara baru jika ia tergolong dalam perkara yang dianggap elok oleh Syarak, ia adalah hasanah (baik). Jika ia tergolong dalam perkara yang dianggap buruk oleh Syarak, ia adalah mustaqbahah (tercela). Jika tidak mana-mana (yakni tidak tergolong dalam yang dianggap elok oleh Syarak dan tidak pula dalam yang dianggap buruk), maka ia dalam kategori mubah (harus). Adakalanya ia dikategorikan mengikut hukum yang lima (yakni wajib, sunat, haram, makruh dan harus).[16]

Ucapan Umar; "Orang-orang yang tidur kemudian bangun melakukannya di akhir malam lebih baik dari orang melakukannya sekarang (yakni di awal malam)", menunjukkan bahawa mengerjakan solat terawih di akhir malam adalah lebih baik dari mengerjakannnya di awal malam.[17] Yang dimaksudkan itu bukanlah mengerjakannya

[14] Fathul-Bari (5/ 447)
[15] Fathul-Bari (5/447) dan Syarh az-Zarqani (1/290).
[16] Fathul-Bari (5/448).
[17] Fathul-Bari (5/448) dan Syarh az-Zarqani (1/290).

secara bersendirian di akhir malam, tetapi mengerjakannya secara berjamaah.[18] Pada peringkat awal, kaum muslimin di zaman Umar melakukan solat terawih di awal malam sebagaimana keterangan di hujung hadis di atas, namun kemudiannya diubah oleh Umar ke akhir malam.[19]

Mana lebih baik, mengerjakan solat terawih berjamaah di masjid atau mengerjakannya bersendirian di rumah?

Solat Terawih harus dilakukan secara sendirian dan juga secara berjamaah. Para ulamak berikhtilaf dalam menentukan; mana yang terbaik (afdhal), melakukannya secara berjamaah di masjid/mushalla atau melakukannya secara sendirain di rumah? Ada dua pandangan; [20]

1. Menurut jumhur/majoriti ulamak (terdiri dari Imam Syafi'ie, Abu Hanifah, Malik dan menjadi pegangan dalam mazhab Syafi'ie); mengerjakan solat Terawih di Masjid secara berjamaah adalah lebih baik dari mengerjakannya di rumah sendirian, iaitu sebagaimana yang dilakukan oleh para sahabat di zaman Umar dan berterusan diikuti oleh kaum muslimin selepas itu hingga ke hari ini, kerana mengerjakannya secara berjamaah dapat menzahirkan syiar Islam, maka ia menyerupai solat 'id (hari raya).

2. Menurut sebahagian ulamak (iaitu Imam Malik, Abu Yusuf dan sebahgaian ulamak dari mazhab Syafi'ie); mengerjakan solat Terawih di rumah adalah lebih baik kerana Rasulullah s.a.w. bersabda;

صلوا أيها الناس في بيوتكم، فإن أفضل الصلاة صلاة المرء في بيته إلا المكتوبة

"Tunaikanlah solat wahai sekelian manusia di rumah-rumah kamu. Sesungguhnya solat yang paling baik ialah solat yang dikerjakan oleh seseorang di rumahnya kecuali solat fardhu". (Riwayat Imam Bukhari dan Muslim dari Zaid bin Tsabit r.a.)

Pandangan yang rajih (kuat) ialah yang pertama kerana Nabi pernah melakukan solat terawih dengan berjamaah di masjid selama beberapa malam, kemudian baginda meninggalkannya kerana bimbang solat itu akan difardhukan. Apabila baginda wafat, illah/factor kebimbangan itu telah hilang, maka para sahabat kembali kepada sunnah baginda yang asal iaitu mengerjakannya secara berjamaah di masjid.[21]

Masa solat Terawih

Masuk waktunya sebaik sahaja selepas menunaikan solat Isyak dan berterusan hingga terbit fajar sodiq, iaitu masuk waktu solat subuh.[22]

---

[18] Fathul-Bari, 5/448.
[19] Berdalilkan keterangan dari Ibnu 'Abbas (rujuk; Syarah az-Zarqani, 1/290).
[20] Syarah Soheh Muslim (6/46), al-Majmu' (4/37), Al-Fiqh al-Wadhih (1/264).
[21] Tarjih oleh pengarang kitab At-Ta'liq as-Sunni (dinaqalkan oleh Ridhwan Jami' Ridhwan, pentahqiq Syarah Soheh Muslim. Lihat; ta'liq (komentar) beliau dalam Syarah Soheh Muslim, juzuk 6, halaman 46, nota kaki no. 2).
[22] al-Majmu' (4/38).

Bilangan rakaat solat Terawih

Terdapat khilaf di kalangan ulamak dalam menentukan bilangan rakaat solat terawih;

1. Menurut jumhur (merangkumi ulamak-ulamak mazhab Imam Syafi'ie, Imam Abu Hanifah, Ahmad bin Hanbal, Daud az-Zahiri dan lain-lain); bilangan rakaat solat Terawih ialah 20 rakaat tidak termasuk witir.[23] Mereka berhujjah dengan hadis dari seorang sahabat yang masih hidup pada zaman Umar iaitu as-Saib bin Yazid (السائب بن يزيد) yang menceritakan;

كانوا يقومون على عهد عمر في شهر رمضان بعشرين ركعة

"Umat Islam pada zaman Umar menunaikan solat Terawih di bulan Ramadhan 20 rakaat". (Riwayat Imam al-Baihaqi. Menurut Imam an-Nawawi; isnad (jalan periwayatan) hadis ini adalah soheh. Lihat; al-Majmu, jilid 4, halaman 38, bab Solat at-Tatawwu').

Begitu juga, Imam Malik meriwayatkan dalam kitabnya al-Muwatta' dari Yazid bin Ruman yang menceritakan;

كان الناس يقومون في زمان عمر بن الخطاب بثلاث وعشرين ركعة

"Orang ramai menunaikan solat Terawih pada zaman Umar bin al-Khattab sebanyak 23 rakaat". (Diriwayatkan juga oleh Imam al-Baihaqi. Namun hadis ini mursal kerana Yazid tidak pernah bertemu Umar. Lihat; al-Majmu', jilid 4, halaman 38).

Menghimpunkan dua riwayat di atas, Imam al-Baihaqi berkata; mereka menunaikan terawih 20 rakaat dan witir 3 rakaat.[24]

2. Menurut Imam Malik; solat Terawih ialah 36 rakaat tidak termasuk witir. Beliau berhujjah dengan amalan penduduk Madinah. Berkata Imam Nafi'; "Aku mendapati orang ramai menghidupkan malam Ramadhan dengan (mengerjakan solat) 39 rakaat, mereka berwitir dengan tiga rakaat darinya".[25] Menurut keterangan ulamak; penduduk Madinah melakukan 36 rakaat adalah kerana ingin menyaingi penduduk Mekah di mana penduduk Mekah setiap selesai 4 rakaat terawih, mereka akan berhenti untuk tawaf (kecuali selepas rakaat ke 20 mereka tidak tawaf selepasnya). Jadi, 20 rakaat solat Terawih di Mekah di selangi dengan 4 kali tawaf. Oleh kerana di Madinah tidak boleh melakukan tawaf, maka penduduk Madinah menggantikan tawaf itu dengan tambahan 4 rakaat bagi setiap tawaf. Oleh kerana ada 4 kali tawaf, maka tambahannya ialah 16 rakaat, menjadikan jumlah keseluruhan terawih penduduk Madinah ialah 36 rakaat (atau 39 jika termasuk witir).[26]

[23] al-Majmu' (4/38)
[24] al-Majmu' (4/38)
[25] Al-Majmu' (4/38)
[26] al-Majmu' (4/38-39)

3. Segolongan ulamak berpendapat; bilangan rakaat solat Terawih ialah 11 rakaat termasuk witir. Mereka berdalilkan hadis dari Saidatina 'Aisyah yang menceritakan;

ما كان رَسُول اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيهِ وَسَلَّم يزيد في رمضان ولا في غيره على إحدى عشرة ركعة

"Rasululllah s.a.w. tidak pernah menunaikan solat sama ada di bulan Ramadhan atau bulan lainnya melebihi dari 11 rakaat" (Riwayat Imam Bukhari dan Muslim).

Terdapat hadis dari Jabir –radhiyallahu 'anhu- menceritakan; "Rasulullah –sallallahu 'alaihi wasallam- mengerjakan solat bersama kami di bulan Ramadhan sebanyak lapan rakaat, kemudian baginda melakukan witir" (Riwayat Imam Ibnu Khuzaimah dan Ibnu Hibban)[27]

Mungkin dapat kita simpulkan; dalam mengerjakan solat Terawih ini terdapat keluasan bagi umat Islam. Mereka boleh memilih sama ada ingin mengerjakan 11 rakaat sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi –sallallahu 'alaihi wasallam- pada zamannya, atau 23 rakaat sebagaimana yang dilakukan oleh kaum muslimin di zaman Umar. atau mengerjakan 39 rakaat sebagaimana amalan penduduk Madinah. Berkata Syeikh Mahmud Khattab as-Subki dalam kitabnya ad-Din al-Khalis; "Beramal sebagaimana yang dikerjakan pada zaman Nabi s.a.w., Abu Bakar r.a. dan awal pemerintahan Umar r.a. adalah lebih utama dan lebih baik iaitu dikerjakan solat Terawih sebanyak lapan atau sepuluh rakaat tidak termasuk witir. Yang afdhal berikutnya ialah menunaikannya sebanyak dua puluh rakaat sebagaimana yang diamalkan di hujung pemerintahan Umar r.a. dan pada zaman pemerintahan Usman dan Ali r.a.. Qiyam Ramadhan (yakni solat Terawih) adalah ibadah yang digalakkan (yakni sunat) dan tidak terdapat nas dari Syarak yang membataskan bilangan rakaatnya. Sesungguhnya Nabi s.a.w. telah bersabda;

عليكم بسنتي وسنة الخلفاء المهديِّين الراشدين تمسكوا بها وعضُّوا عليها بالنَّواجذ

"Hendaklah kamu berpegang dengan sunnahku dan sunnah para Khulafak yang mendapat petunjuk (selepasku). Berpeganglah dengannya dan gigitlah ia dengan geraham-geraham kamu...". (Riwayat Imam Muslim dan Abu Daud dari Abi Najih al-'Irbadh bin Sariyah r.a.)[28]

Kaifiyat mengerjakan solat Terawih dan Witir

1. Solat terawih digalakkan secara berjamaah di masjid atau di musholla sebagaimana pandangan jumhur ulamak tadi. Namun jika hendak ditunaikan secara bersendirian di rumah juga dibolehkan kerana Nabi sendiri melakukannya secara sendirian.

[27] Terdapat hadis dari Ibnu 'Abbas –radhiyallahu 'anhu- menceritakan; "Rasulullah menunaikan solat 20 rakaat dan witir" (Riwayat Ibnu Abi Syaibah). Menurut Syeikh az-Zarqani; Sanad hadis Ibnu 'Abbas ini adalah dhaif. Hadis Jabir di atas adalah lebih soheh. (Rujuk; Syarah az-Zarqani 'Ala Muwatta' al-Imam Malik, 1/285).

[28] Ad-Din al-Khalis, juz. 5, hlm. 162 (Dinaqalkan dari kitab al-Fiqh al-Wadhih, jil. 2, hlm. 623).

2. Solat terawih hendaklah dikerjakan dua-dua rakaat sebagaimana yang biasa dilakukan oleh umat Islam. Jika dilakukan empat rakaat sekaligus dengan satu salam, tidak sah –sebagaimana yang difatwakan oleh Qadhi Husain- kerana bercanggah dengan kaifiyat yang disyariatkan.[29]

3. Hendaklah diniatkan sunat terawih atau solat terawih atau qiyam Ramadhan, iaitu setiap kali mengerjakan dua rakaat. Jika hanya diniat solat sunat secara umum, tidak sah solat terawih.[30] Contoh niat ialah; mendetikkan dalam hati "Sahaja aku mengerjakan solat sunat terawih atau qiyam ramadhan dua rakaat kerana Allah Taala". Adapun melafazkan dengan lidah, sunat sahaja menurut mazhab Syafi'ie. Menurut ulamak-ulamak lain; tidak disunatkan lafaz dengan lidah, yakni memadai niat dengan hati sahaja.

4. Kaifiyat-kaifiyat lain adalah sama sebagaimana solat biasa iaitu rukun-rukun dan sunat-sunat di dalam solat terawih dikerjakan sama seperti solat biasa.

5. Disunatkan memanjangkan bacaan al-Quran di dalam solat terawih, begitu juga di di dalam solat-solat yang lain sama ada solat fardhu atau sunat.[31] Ini kerana Rasulullah s.a.w. bersanda;

أفضل الصلاة طول القنوت

"Solat yang paling baik ialah yang lama berdirinya" (HR Imam Ahmad dan Muslim dari Jabir r.a.).

Maksud lama berdiri itu ialah; memanjangkan bacaan al-Quran di dalam solat kerana tempat bacaan al-Quran di dalam solat ialah ketika kita berdiri (sebelum ruku').[32] Namun jika kita menjadi imam hendaklah mengambil kira keadaan makmum di belakang kita. Janganlah keterlaluan memanjangkan bacaan hingga menyusahkan makmum di belakang kerana ada di antara mereka yang dhaif, tua, sakit, sibuk dan sebagainya.[33]

6. Solat malam –termasuklah qiyam Ramadhan atau solat Terawih- sunat ditutup dengan solat Witir. Sekurang-kurang witir ialah satu rakaat. Namun yang sempurna ialah melakukan tiga rakaat atau lebih (dengan bilangan ganjil). Paling banyak ialah 11 rakaat.[34] Orang yang melakukan witir sebanyak tiga rakaat, harus ia melakukannya

---

[29] al-Majmu' (4/38).
[30] al-Majmu' (4/38).
[31] al-Fiqh al-Wadhih (2/623).
[32] Faidhul-Qadier, hadis no. 1275.
[33]Terdapat hadis dari Nabi s.a.w.;

إذا صلى أحدكم للناس فليخفف؛ فإن فيهم الضعيف والسقيم والكبير، وإذا صلى أحدكم لنفسه فليطول ما شاء

"Jika seseorang dari kamu menunaikan solat dengan orang ramai (yakni menjadi imam kepada mereka), hendaklah ia meringankan solatnya kerana di kalangan mereka itu ada yang dhaif/lemah, sakit dan tua. Tetapi jika ia menunaikan solat seorang diri, maka perpanjangkanlah solatnya mengikut yang ia kehendaki" (HR Imam al-Bukhari dan Muslim dari Abu Hurairah r.a.).
[34] Al-Majmu' (4/17).

dengan dua salam atau dengan satu salam sahaja. Namun yang terbaik (afdhal) menurut jumhur ulamak (mazhab Malik, Syafi'ie dan Ahmad) ialah dengan dua salam. Menurut mazhab Hanafi; wajib dengan satu salam sahaja (yakni tidak sah dengan dua salam). Menurut Imam al-Auza'ie; kedua-duanya adalah elok.[35] Jika melakukan witir lebih dari tiga (yakni lima, tujuh dan seterusnya), yang terbaik ialah memberi salam setiap dua rakaat. Namun jika hendak dilakukan dengan satu salam sahaja, hukumnya adalah harus sama ada dengan satu tasyahhud (iaitu di rakaat akhir sekali) atau dengan dua tasyahhud (iaitu di rakaat akhir dan sebelum akhir). Yang terbaik menurut Imam ar-Ruyani (salah seorang ulamak mazhab Syafi'ie) ialah dengan satu tasyahhud sahaja (iaitu di rakaat akhir). Adapun lebih dari dua tasyahhud, tidak harus mengikut pandangan yang soheh dalam mazhab Syafi'ie.[36]

7. Menurut mazhab Syafi'ie; disunatkan membaca Qunut pada rakaat akhir witir apabila masuk pertengahan Ramadhan. Menurut mazhab Malik; disunatkan dari awal Ramadhan lagi. Menurut mazhab Hanafi; membaca qunut dalam solat witir disunatkan sepanjang tahun, tidak khusus dalam bulan Ramadhan sahaja.[37]

Wallahu a'lam.

Rujukan;

1. al-Majmu' Syarh al-Muhazzab, Imam an-Nawawi, jilid 4, Bab Solat at-Tatawwu' (Dar al-Fikr, Beirut-Lubnan, 2000)
2. Soheh Muslim Bisyarhi an-Nawawi, Imam an-Nawawi, jilid 3 (juzuk 6), kitab Solat al-Musafirin, bab at-Targhib Fi Qiyami Ramadhan wa huwa at-tarawih, halaman (Muassasah al-Mukhtar, Kaherah-Mesir, 2001).
3. Faidhul-Qadier Syarh al-Jami' as-Soghier, Muhammad bin Abdur-Rauf al-Minawi (Dar al-Fikr, Beirut-Lubnan, tanpa tahun).
4. Nailul-Authar, Imam as-Syaukani, jilid 2 (juzuk 3), Abwab Solat at-Tatawwu', bab Solati at-Tarawikh (Maktabah Dar at-Turath, Kaherah-Mesir, tanpa tahun).
5. Al-Fiqh al-Wadhih, Dr. Muhammad Bakr Ismail, jilid 1.
6. Syarh az-Zarqani 'Ala Muwatta al-Imam Malik, Muhammad bin 'Abdul-Baqi bin Yusuf al-Zarqani, jilid 1, bab Ma Ja-a Fi Qiyam Ramadhan (Dar al-Fikr, Beirut-Lubnan, 2001).
7. Soheh al-Imam al-Bukhari, kitab Solat at-Tarawih, bab Fadhl Man Qa-ma Ramadhana (Maktabah ar-Rusd, Arab Saudi, cet. Ke 2, 2006).
8. Syarah al-Kirmani 'Ala Soheh al-Bukhari, Imam al-Karmani, jilid 9 (Dar Ihya' Turas al-'Arabi, Lubnan, cet. Kedua, 1981).
9. Fathul-Bari Syarh Soheh al-Bukhari, Imam Ibnu Hajar, jilid 5 (Dar at-Taiyyibah, Riyadh-Saudi, cet. Pertama, 2005).

[35] Al-Majmu' (jilid 4, hlm. 29 dan 31).
[36] Al-Majmu' (jilid 4, hlm. 17-18).
[37] Al-Majmu' (jilid 4, hlm. 21 dan hlm. 31-32).